

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SPP 202 - Pengantar Perhubungan Antarabangsa

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** (4) soalan sahaja.

1. Bincangkan konsep "dasar luar". Dalam berbuat demikian, jelaskan

- [i] tiap-tiap unsur dasar luar dan kaitannya antara satu sama lain;
- [ii] sumber-sumber dasar luar;
- [iii] mana-mana TIGA jenis alat dasar luar.

Selepas itu, gunakan konsep tersebut untuk menganalisa dasar luar Malaysia.

(100 Markah)

2. Jawab **KEDUA-DUA** soalan yang berikut:

[a] Huraikan undang-undang dan norma-norma antarabangsa. Sejauhmanakah ia dipatuhi oleh sesbuah negara dalam interaksinya dengan negara-negara lain?

( 50 Markah)

[b] Pada pendapat anda, jenis struktur kuasa manakah yang wujud masa kini? Berikan hujah-hujah untuk menyokong pendapat anda.

( 50 Markah)

3. Jawab **KEDUA-DUA** soalan:

[a] Sejauhmanakah Amerika Syarikat mementingkan hak-hak asasi manusia dalam dasar luarnya?

( 50 · Markah)

- [b] Terangkan bentuk-bentuk integrasi ekonomi. Bentuk yang manakah telah dipilih Komuniti Eropah?  
( 50 Markah)

4. Jawab KEDUA-DUA bahagian:

- [a] Jelaskan maksudnya "konflik" dan "krisis" dan cara-cara aman bagi menyelesaikan sesuatu konflik atau krisis. Kemudian, analisakan Krisis Teluk 1990.  
( 50 Markah)

- [b] Apakah "perang"? Kenapa Krisis Teluk telah membawa kepada meletusnya Perang Teluk 1991. Bincangkan objektif-objektif pihak-pihak utama yang terlibat dalam Perang tersebut dan nilaiakan sejauhmanakah ianya telah dicapai.  
( 50 Markah)

5. Jawab KEDUA-DUA soalan:

- [a] Bincangkan proses penyibaran nukliar secara mendatar dan menegak. Pada pendapat anda, apakah kesan tamatnya Perang Dingin ke atas kedua-dua proses tersebut?  
( 50 Markah)

- [b] Bincangkan proses penyibaran teknologi untuk senjata kimia dan biologi di Dunia Ketiga. Pada pendapat anda, bolehkah proses itu dikawal? Berikan hujah-hujah untuk menyokong pendapat anda.  
( 50 Markah)

6. Jawab KEDUA-DUA soalan:

- [a] Bagaimanakah Arnold Wolfers telah mendefinasikan konsep "keselamatan nasional"? Kenapa J. Tuchman Mathews telah menghujahkan bahawa definisi "tradisional" itu adalah terlalu sempit?  
( 50 Markah)

- [b] Bincangkan tanggungjawab-tanggungjawab Majlis Keselamatan (Bangsa-Bangsa Bersatu) dalam memelihara keamanan antarabangsa. Selepas itu, analisakan pelaksanaan tanggungjawab-tanggungjawab itu dalam Krisis dan Perang Teluk.  
( 50 Markah)